

# Produk daripada bahan terpilih

**S**EMAKIN ramai wanita yang bergelar usahawan dengan mengeluarkan produk sendiri.

Sama ada produk makanan maupun minuman tambahan atau produk kecantikan dalaman dan luaran, setiap produk tersebut memiliki khasiat tersendiri dan menggunakan bahan-bahan terpilih.

Tidak terkecuali **Fatihah Ab. Rahman** yang mengeluarkan produk makanan dan minuman kesihatan sejak enam tahun lalu.

Menamakan produknya sebagai Eiva Beauty, Fatihah kemudian menambahkan produk yang ada kepada set penjagaan muka yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Bercerita mengenai produk makanan dan minuman kesihatan Eiva Beauty, dia, yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Teknologi Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Sarjana Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), sebelum menghasilkan produk tersebut terlebih dahulu telah mengadakan kajian bagi memastikan produk itu selamat.

Untuk itu dia telah bekerjasama dengan abangnya yang merupakan seorang pakar perubatan di sebuah hospital di Kelantan.

Ini kerana dia mahu meyakinkan pengguna bahawa produk yang dikeluarkannya tidak akan mendatangkan sebarang kesan sampingan.

Terdapat beberapa produk di bawah jenama Eiva Beauty, seperti *White Coffee*, *Tongkat Ali*, *8 in 1, Mocca*, *Cappuccino*, *Plus Susu*, *Kambing 5 in 1*, *White Coffee*.



*Cappuccino Collagen Chocolate Mahkota Dewa* dan banyak lagi.

“Saya juga mengeluarkan *Eiva Stem Sel White Pearl*. Kandungan bahan-bahan yang terdapat di dalamnya adalah bahan-bahan terpilih yang diketahui berkhasiat untuk kesihatan seperti buah naga, epal hijau dan delima.

“Selain itu, saya turut memasukkan serbuk mutiara yang mudah diserap oleh badan. Serbuk mutiara mengandungi bahan pelembap semula jadi yang sangat baik bagi kulit.

“Rahsia formula serbuk mutiara dapat membantu bagi mencegah penuaan kulit, membersihkan kulit dan memudahkan kulit wajah. Kecerahan kulit akan lebih terserlah selain menghaluskan dan menjadikan kulit kenyal.

“Mereka yang mengalami masalah keguguran rambut, berminyak atau kulit kepala kering sesuai mengambil produk ini,” kata Fatihah, yang berasal dari Pasir Mas, Kelantan.

Sementara itu, tambahnya, produk minuman kopi Eiva Beauty mengandungi bahan-bahan herba seperti tongkat Ali, misai kucing, guarana, goji, madu, ubi jaga, kopi jenis Arabica yang berkualiti serta susu kambing.

Ujarnya, terdapat beberapa perasa seperti mocca cappuccino, coklat mahkota dewa dan coklat eksklusif yang melazatkan minuman tersebut.

Setiap produk yang dikeluarkan mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sijil halal.

Eiva berkata, dia amat mengalaukan sesiapa sahaja yang ingin menjadi ejen dan stokis demgam menghubungi di 017-9564259, Facebook Fatihah Eva atau [www.eivabeautycafe.com](http://www.eivabeautycafe.com).



**FATIHAH AB. RAHMAN** bersama sebahagian produk di bawah Eiva Beauty.